adalah salah satu komponen utama Projek Tebatan Banjir Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Flood Mitigation Project - KLFM) yang merupakan penyelesaian jangka panjang masalah banjir besar bandaraya Kuala Lumpur. Objektif utama terowong SMART adalah sebagai laluan untuk air banjir yang dilencangkan dari mengalir ke tengah bandaraya Kuala Lumpur. Lencenggan ini bermula di pertemuan Sungai Klang dan Sungai Ampang di Kampung Berembang hingga ke Kolam Takungan di Taman Desa.




Gambarajah 9.2 :

(a) Keratan Rentas Terowong dan  
 (b) Kemudahan Pengudaraan & Laluan Kecemasan Terowong SMART.

(a)



(b)





Gambarajah 9.3 : Komponenan Aliran Operasi Banjir SMART



### 9.7.1 Mod Operasi Terowong SMART

#### Mod 1

- Semasa cuaca baik atau hujan turun tidak lebat
- Terowong trafik dibuka untuk laluan trafik masuk dan keluar Pusat Bandaraya Kuala Lumpur

#### Mod 2

- Berlaku apabila hujan turun dan kadar alir di Stesen Hidrologi L4 yang terletak di pertemuan Sg. Klang dengan Sg. Ampang mencatatkan bacaan antara  $70 \text{ m}^3/\text{s}$  hingga  $150\text{m}^3/\text{s}$ .
- Air banjir lebihan akan disalur masuk ke takungan Sistem SMART dan air hanya mengalir di bahagian bawah (*lower drain*) terowong. Aliran Sg. Klang ke Pusat Bandaraya Kuala Lumpur dikawal pada kadar  $50\text{m}^3/\text{s}$ .
- Terowong trafik masih dibuka untuk laluan trafik.


#### Mod 3

- Berlaku apabila hujan lebat turun dan Model Ramalan Banjir Sistem SMART meramalkan kadar alir di L4 melebihi  $150\text{m}^3/\text{s}$ . Aliran Sg. Klang ke Pusat Bandaraya Kuala Lumpur dikawal pada  $10\text{m}^3/\text{s}$  sahaja.
- Terowong bahagian laluan trafik akan dikosongkan daripada semua kenderaan.
- Sekiranya hujan lebat turun tidak lama atau atas sebab teknikal lain yang tertentu, air banjir tidak akan disalurkan ke dalam terowong bahagian laluan trafik.
- Terowong bahagian laluan trafik akan dibuka semula bagi laluan trafik selepas antara dua hingga lapan jam ditutup.

#### Mod 4


- Berlaku selepas antara satu hingga dua jam amaran Mod 3 dikeluarkan dan sekiranya hujan lebat masih berterusan.
- Terowong bahagian laluan trafik akan digunakan untuk laluan banjir dan akan dibuka semula selepas empat hari ditutup.


Jadual 9.7 : Ringkasan Event Mod 2, Mod 3 dan Mod 4 dari Tahun 2007 hingga 2017





Gambarajah 9.4 : Grafik Mod Trafik Terowong SMART






**Kawasan Rights Of Way (ROW) dan Protection Zone (PZ)** Rights Of Way (ROW) adalah kawasan tanah dengan kelebaran tertentu (purata 20m) di sepanjang jajaran SMART bermula dari Berembang hingga Taman Desa yang mana terdapat struktur terowong SMART di bawahnya. Ia meliputi tanah milik Pentadbir Tanah Persekutuan (PTP), tanah simpanan Persekutuan, tanah simpanan Negeri dan tanah milik yang dibuat pengambilan balik tanah. ROW telah dipohon agar menjadi rizab jajaran SMART. Protection Zone (PZ) ialah kawasan tanah di bahagian kiri dan kanan ROW yang lebarnya adalah bersamaan dengan kedalaman dari permukaan tanah ke bahagian atas terowong (crown of tunnel) dan satu perdua daripada garis pusat terowong, meliputi kawasan tanah milik Pentadbir Tanah Persekutuan (PTP), tanah simpanan Persekutuan, tanah simpanan Negeri dan tanah milik. Tiada struktur terowong di bawahnya tetapi sebarang aktiviti dilakukan dalam kawasan ini mungkin akan memberi kesan kepada struktur terowong. PZ bukan merupakan rizab SMART tetapi kawasan yang dipantau bersama oleh Pusat Kawalan SMART dan SMART Motorway Control Centre — pemegang konsesi.



Gambarajah 9.5: Jajaran SMART dari Berembang ke Taman Desa yang dipohon perizaban





## SALIRAN MESRA ALAM

### 10.1 Peranan

Menyediakan khidmat kepakaran dalam pengurusan air larian hujan yang cekap dan berkesan melalui pendekatan pencegahan bagi menangani masalah banjir dengan penggunaan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA).

### 10.2 Manual Saliran Mesra Alam (MSMA)

Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) adalah merupakan satu manual/garis panduan untuk jurutera membuat perancangan infrastruktur saliran bandar melalui konsep kawalan kuantiti dan kualiti di peringkat punca (*at source control*). Kaedah ini diperkenalkan untuk mencegah bencana banjir kilat, banjir lumpur dan pencemaran sungai.

Sistem saliran kaedah lama mengamalkan konsep:

- Pengaliran cepat
- Bersifat setempat
- Satu fungsi-kuantiti

MSMA telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada Januari 2001 sebagai syarat kelulusan pelan pembangunan oleh semua agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta sektor swasta.

#### 10.2.1 Konsep dan Komponen utama MSMA

##### (i) Konsep

- Memberi penekanan kepada aspek kawalan kuantiti dan kualiti air larian di punca.
- Air larian hujan dari kawasan pembangunan dapat dikekalkan dari segi kuantiti dan kualiti.

##### (ii) Komponen

- Kawalan kuantiti air untuk mengatasi masalah banjir

- Kawalan kualiti air untuk mengatasi pencemaran sungai, pemendakan kelodak dan banjir lumpur melalui Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP).

### 10.3

### Kawalan Kuantiti

Dalam sistem pengurusan air larian hujan, kuantiti aliran boleh dikawal berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:

- Sistem pengurusan air larian hujan mesti direkabentuk supaya kadar aliran puncak selepas pembangunan (2yr, 10yr, 50yr dan 100yr ARI) lebih rendah daripada kadar aliran puncak sebelum pembangunan.
- Sistem saliran di semua kawasan pembangunan baru perlu direkabentuk berdasarkan rekabentuk ARI seperti berikut:

Jenis Pembangunan	Minimum ARI (tahun)	
	Sistem Minor	Sistem Major
Kediaman		
Banglo dan rumah berkembar	5	50
Rumah teres/ pangaspuri	10	100
Pusat perdagangan dan perniagaan	10	100
Industri	10	100
Padang sukan, taman dan pertanian	2	20
Infrastruktur/ utiliti	5	100
Bangunan/ kompleks institusi	10	100

- Aras lantai untuk semua pembangunan baru atau pembangunan semula perlu direkabentuk untuk aras banjir sehingga 100 tahun ARI dengan 0.3m freeboard
- Langkah-langkah kawalan kuantiti dengan kaedah *On-site Detention (OSD)* hanya dibenarkan untuk menampung aliran bagi kawasan pembinaan yang bersaiz kecil iaitu sehingga 0.1 hektar sahaja. Untuk kawasan pembangunan



- yang lebih besar, perlu disediakan kemudahan tahanan/ resapan di peringkat komuniti (*community detention/ retention*).
- Keluasan tempat penyimpanan yang bersesuaian perlu disediakan bagi kolam takungan supaya dapat menampung rekabentuk aliran hujan 1 dalam 100 tahun ARI dari kawasan tadahan tanpa melimpah/ membanjiri saluran keluar kedua (*spillway*).
  - Saluran keluar utama (*primary outlet*) bagi kolam takungan perlu direkabentuk untuk mengurangkan aliran puncak selepas pembangunan supaya tidak melebihi aliran puncak sebelum pembangunan (2 tahun ARI).

## 10.4 Kawalan Kualiti

Kriteria untuk mengawal kualiti air larian adalah seperti berikut:-

### 10.4.1 Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (Erosion and Sediment Control Plan)

Bertujuan untuk membendung hakisan dan enapan tanah di tapak pembinaan. ESCP disyaratkan kepada semua kerja-kerja pembangunan tanah yang melebihi 1 hektar dan perlu mendapatkan kelulusan Jurutera Profesional dan disahkan oleh pemegang *Certified Professional in Erosion and Sediment Control* (CPESC) sebelum kerja tanah dimulakan.

### 1NRE Enforcement: EIA-ESC

Pada Ogos 2011, selaras dengan arahan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang menetapkan pelaksanaan *1NRE Enforcement*, Jabatan Alam Sekitar telah membuat perwakilan kuasa kepada pegawai-pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran bagi melaksanakan program penyiasatan dan penguatkuasaan kawalan hakisan dan kelodak bagi aktiviti-aktiviti yang tertakluk kepada EIA di bawah Seksyen 49, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.



## 10.5 Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam

Tujuan utama Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam adalah untuk meminimumkan impak perbandaran ke atas air larian hujan agar mencapai keseimbangan dalam segi sosial, ekonomi dan alam sekitar dalam mewujudkan pembangunan yang lestari. Beberapa langkah seperti tersemara di bawah diambil dalam usaha untuk mencapai tujuan tersebut:

- Merancang penyelesaian jangka panjang berkenaan pengurusan masalah banjir, saliran dan air larian hujan dalam kawasan perbandaran sedia ada bagi mengurangkan impak banjir ke atas penduduk dan harta benda.
- Mengoptimumkan keberkesanan infrastruktur saliran mesra alam sedia ada dalam kawasan kajian dengan menyediakan prasarana-prasarana dan penyelenggaraan yang diperlukan.
- Kawalan limpahan kelodak ke dalam saliran sedia ada dengan pengurusan aktiviti seperti pembukaan tanah, pembinaan dan hakisan tebing dalam kawasan tадahan dengan mengaplikasikan kawalan di punca.
- Kawalan kualiti air dari sumber pencemaran tidak tertumpu (*non-point source*).
- Mengoptimumkan penggunaan air larian hujan sebagai sumber air alternatif bagi mengurangkan permintaan air terawat.
- Melindungi dan mengindahkan ekosistem semulajadi

**Jadual 10.1: Senarai Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam**

Negeri	Nama Kajian
1. Selangor	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Klang, Selangor
2. Selangor	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Sg. Buloh, Selangor
3. Selangor	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Kajang, Selangor
4. Selangor	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor



5. Selangor	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Daerah Selayang, Rawang dan Kuang, Selangor
6. KL/Selangor	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Sg. Besi, Kuala Lumpur dan Seri Kembangan, Selangor
7. Pahang	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Kuantan, Pahang
8. Pahang	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Cameron Highland, Pahang
9. Kelantan	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Pasir Mas, Kelantan
10. Kelantan	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Tanah Merah, Kelantan
11. Kelantan	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Kota Bharu, Kelantan
12. Johor	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Pasir Gudang, Johor
13. Johor	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Tebrau dan Plentong Johor
14. Sabah	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Menggatal, Telipok dan Tuaran, Sabah
15. Sabah	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Tawau, Sabah
16. Sabah	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Sandakan, Sabah
17. Sabah	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Lahad Datu, Sabah
18. Sabah	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Kinarut dan Putatan, Sabah
19. Sarawak	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Kuching dan Kota Samarahan, Sarawak
20. Sarawak	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Miri, Sarawak
21. Sarawak	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Sri Aman, Sarawak
22. Sarawak	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Betong, Saratok, Spaoh dan Debak, Sarawak

Negeri	Nama Kajian
23. Sarawak	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Limbang, Sarawak
24. Sarawak	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Sarikei dan Bintangor, Sarawak
25. Sarawak	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Serian, Sarawak
26. Sarawak	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bandar Lawas, Sarawak
27. Perlis	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Kangar, Arau dan Padang Besar, Perlis
28. Perak	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Parit Buntar dan Bagan Serai, Perak
29. Perak	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Manjung, Sitiawan dan Lumut, Perak.
30. Perak	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Ipoh, Perak
31. Perak	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Bagan Datuk, Perak
32. Terengganu	Kajian Pelan Induk Saliran Bandar Dungun, Terengganu
33. Terengganu	Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus, Terengganu

Jadual 10.2: Senarai Projek Saliran Mesra Alam RMKe-10

Kajian / Projek	Tarikh Siap	Kos Projek (RM)
1. Projek Saliran Bandar Batu Pahat Membina Dan Menyiapkan Saliran Utama Parit Lapis Pakej V Batu Pahat, Johor	21 JUN 2015	14,889,990.00
2. Menaiktaraf Sistem Saliran Bandar Bagi Mengatasi Banjir Kilat Di Kawasan Bandaraya Melaka Bersejarah Fasa 2 (Pakej 1)	9 APRIL 2015	34,948,456.60



3. Menaiktaraf Sistem Perparitan Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Jalan Abdul Rahman, Bandar Maharani Bandar Diraja, Daerah Muar, Johor Darul Takzim	12 JANUARI 2014	3,477,600.00
4. Menaiktaraf Sistem Perparitan Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Jalan Ibrahim, Bandar Maharani Bandar Diraja, Daerah Muar, Johor Darul Takzim	14 JUN 2014	4,611,700.00
5. Kerja-Kerja Menaiktaraf Kolam Takungan Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Ladang Ternakan Universiti Putra Malaysia, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	14 OKTOBER 2014	1,814,002.65
6. Projek Saliran Bandar Batu Pahat Membina Dan Menyiapkan Saliran Utama Parit Lapis Paket IV, Batu Pahat, Johor	30 JUN 2013	2,773,000.00
7. Menaiktaraf Sistem Perparitan Dan Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Jalan Meriam Dan Jalan Hassan, Bandar Maharani, Daerah Muar, Johor Darul Takzim	13 JUN 2012	4,345,918.30
8. Projek Saliran Bandar Yong Peng, Membina Dan Menyiapkan Saliran Utama Parit 10, Taman Jelita Di Pekan Yong Peng, Batu Pahat, Johor.	1 OKTOBER 2012	5,548,345.32
9. Menaiktaraf Sistem Saliran Parit Paya Lengkung Dan Kerja Berkaitan Di Merlimau, Daerah Jasin, Melaka	7 OGOS 2012	1,430,400.00
10. Menaiktaraf Sistem Saliran Bandar Bagi Mengatasi Banjir Kilat Di Kawasan Bandaraya Melaka Bersejarah Fasa 1	31 MEI 2011	29,561,837.75
11. Projek Saliran Bandar Batu Pahat :Membina Dan Menyiapkan Saliran Utama Pt Lapis Pakej 4: Pakej 5: Pakej 6:	30 JUN 2013 21 JUN 2015 12 MAC 2016	2,773,000 14,889,990 6,047,400

Jadual 10.3: Senarai Projek Saliran Mesra Alam RMKe-11

Kajian / Projek	Perancangan	Catatan
1. Projek Saliran Mesra Alam Di Sebahagian Kawasan Parit Batu 7 (Anak Sungai Sibuga) Sandakan, Sabah	1 kontrak	1 kontrak dalam pembinaan
2. Pembangunan Infrastruktur Sistem Saliran Untuk Kompleks Bersepadu Petroleum Pengerang (PIPC)	2 kontrak, pengambilan tanah	2 kontrak dalam pembinaan
3. Menaiktaraf Sistem Saliran Mesra Alam Daerah Batu Pahat, Johor	2 kontrak, pengambilan tanah	1 kontrak belum award 1 kontrak dalam proses rekabentuk
4. Pembinaan Sistem Saliran Mesra Alam Di Kawasan Operasi Pelabuhan Klang Dan Sekitarnya	2 kontrak	2 kontrak dalam pembinaan
5. Pelan Induk Saliran Mesra Alam Pelbagai Negeri	16 kajian pelan induk	6 kajian dalam pelaksanaan 5 kajian dalam proses lantikan
6. Kerja-Kerja Menaiktaraf Parit Othman, Tanjung Agas, Daerah Tangkak, Johor	2 kontrak	1 kontrak dalam pembinaan 1 kontrak dalam proses rekabentuk
7. Menaiktaraf Parit Di Kampung Paya Pupuk, Daerah Tangkak, Johor	1 kontrak	1 kontrak dalam pembinaan
8. Menaiktaraf Sistem Saliran Bandar Di Langkap, Sg Manik, Daerah Hilir Perak	1 kontrak	1 kontrak telah ditender



Kajian / Projek	Perancangan	Catatan
9. Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Kawasan Melaka Bandaraya Bersejarah Fasa II	3 kontrak	1 kontrak siap 2015 1 kontrak dalam pembinaan 1 kontrak ditangguh tender
10. Projek Tebatan Banjir Gong Kiat, Kuala Terengganu	1 kontrak	Rekabentuk dalaman oleh JPS Terengganu. Minilab VE pada 26 dan 27 Mac 2018 1 kontrak ditangguh tender
11. Projek Tebatan Banjir Kuala Terengganu Utara (UMT) Dan Kawasan Sekitar, Terengganu	1 kontrak	Kerja awalan ukur dan penyiasatan tapak sedang dilaksanakan. Perlu lantikan perunding rekabentuk

Jadual 10.4: Senarai Projek Saliran Mesra Alam Yang Siap Dilaksanakan RMKe-11

Kajian / Projek	Tarikh Mula / Siap	Kos Projek (RM)
1. Menaiktaraf Sistem Saliran Dan Pembinaan Pipe Jacking Untuk Projek Saliran Bandar Kulai, Johor	26 SEPT 2016 / 25 MAC 2017	1,459,750.00



## 10.6 Kolam Takungan MSMA

Dengan kepesatan pembangunan fizikal, kawasan perbandaran dan penempatan semakin terdedah kepada ancaman banjir yang berpunca daripada peningkatan air larian permukaan. Justeru, kolam takungan banjir dibina berfungsi untuk menakung air bagi mengelakkan kejadian banjir di kawasan hilir. Selain itu, kolam takungan ini juga boleh digunakan untuk tujuan rawatan kualiti air, memberi nilai tambah dan tarikan kepada komuniti sebagai kawasan riadah. Sehingga kini, sejumlah 2248 buah kolam takungan banjir telah direkodkan di negara ini. Kolam-kolam ini dibina oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), JPS, agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan juga pihak pemaju yang mana sebahagian besarnya diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk kerja-kerja penyenggaraan.

## 10.7 Pengumpulan Air Hujan (*Rainwater Harvesting (RWH)*)

RWH adalah pengumpulan hujan daripada bumbung bangunan atau struktur lain yang dibina khas untuk tujuan tersebut. Antara faedah-faedah penuaian air hujan adalah:

- Memanfaatkan kegunaan sumber air ke arah pembangunan mampan terutama di kawasan bandar. Sistem ini boleh diaplikasikan untuk kegunaan domestik, industri, komersial dan pertanian.
- Sumber air alternatif bagi kegunaan selain minuman seperti tandas dan kebakaran, pada masa yang sama dapat mengurangkan bil air terawat.
- Menambah baik pengurusan sungai dengan mengurangkan kadar alir ke sistem saliran dan seterusnya mengurangkan kadar hakisan.

Jadual 10.2 : Bilangan Kolam Takungan Banjir Dan Projek RWH Di Seluruh Malaysia

Negeri	Bil. Kolam Takungan Banjir	Bil. Projek RWH
Perlis	53	4
Kedah	242	2
Pulau Pinang	167	6
Perak	288	4
Selangor	397	7
Negeri Sembilan	211	-
Melaka	136	1
Johor	350	2
Pahang	45	7
Terengganu	51	7
Kelantan	29	2
Sabah	172	-
Sarawak	43	4
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	14	3
Wilayah Persekutuan Labuan	3	3
Wilayah Persekutuan Putrajaya	10	-
<b>JUMLAH</b>	<b>2211</b>	<b>52</b>

## SEKTOR PAKAR



## REKABENTUK & EMPANGAN

### 11.1 Peranan

- Untuk memberi nasihat kepada rekabentuk ke atas struktur, geoteknik, hidraulik dan teknologi bahan binaan
- Untuk menyediakan rekabentuk khusus atau untuk membaik pulih/ menaiktaraf struktur-struktur yang tidak memenuhi fungsi dan bermasalah.
- Mengendalikan masalah struktur yang tidak berfungsi seperti yang direkabentukkan, keruntuhan struktur atau struktur yang berada di dalam keadaan kritikal.
- Mengkoordinasi pengawasan keselamatan ke atas struktur utama JPS.
- Menyediakan rekabentuk infrastruktur untuk jabatan/agensi-agensi di bawah NRE dan MOA.
- Memberi komen-komen teknikal berkaitan keselamatan empangan kepada yang berkaitan
- Mengurus projek-projek menaiktaraf empangan dan projek-projek menaiktaraf integriti empangan
- Membantu untuk memastikan keselamatan empangan JPS dan lain-lain agensi berkaitan.

### Jadual 11.1 : Informasi Asas Empangan JPS

Bil	Nama Empangan (Tahun Siap Dibina) / Saiz (L=Besar, S=Kecil)	Lokasi (Negeri)	Jenis	EMPANGAN			KOLAM TAKUNGAN						
				Tinggi (m)	Panjang Puncak (m)	Aras Puncak (m)	Kawasan Tadahan (sq.km)	Kapasiti (Mcm)	Luahan Alur Limpah Maksimum (cumecs)	Luas Permukaan (sq.km)	Aras Biasa (NPL m)	Kelas Bencana	Fungsi
1	Timah Tasoh (1992) / L	Perlis	Tanah	17.30(L)	3455(L)	32.0	191	40.0(L)	436	13.33	29.1	Tinggi	I/W/F
2	Padang Saga (1964) / S	Kedah	Tanah	8.3	61	23.01	12	0.2	195	0.05	21.18	Ketara	I/W/F
3	Bukit Kwong (1979) / L	Kelantan	Tanah	7.62	1524(L)	18.29	11	14.3(L)	42.5	4.04	16.76	Tinggi	I/W
4	Bukit Merah (1960) / L	Perak	Tanah	9.1	579.9(L)	11.28	480	74.98(L)	424.7	41.0	8.69	Tinggi	I/W
5	Gopeng (1961) / S	Perak	Tanah	8.54	85.34	70.71	10.6	0	78	NA	NA	Rendah	Sr
6a	Repas Lama (1925) / S	Pahang	Tanah	13.4(L)	210	143.29	10	0	60	NA	NA	Rendah	Sr
6b	Repas Baru (1963) / L	Pahang	Tanah	20.0(L)	40	128.96	11	0.4	85	0.05	126.22	Ketara	Sr
7	Batu (1987) / L	Selangor	Tanah	44.0(L)	550(L)	109.0	50	36.6(L)	228	2.50	102.7	Tinggi	I/W/F
8	Pontian (1985) / L	Pahang	Tanah	15.5(L)	350	7.5	170	40.0(L)	605	20.00	5.00	Ketara	I/W
9	Anak Endau (1985) / L	Pahang	Tanah	18.0(L)	700(L)	23.0	36	38.0(L)	250	7.20	19.00	Tinggi	I/W
10	Labong (1949) / L	Johor	Tanah	10.67	259	10.67	16	12.8(L)	84.5	6.05	8.03	Ketara	I/W
11	Bekok (1990) / L	Johor	Tanah	20.3(L)	3460(L)	23.00	326	32.0(L)	1152	12.00	13.30	Tinggi	I/W/F
12	Sembong (1984) / L	Johor	Tanah	11.0(L)	1770(L)	15.0	130	18.0(L)	640	8.50	8.50	Tinggi	I/W/F
13	Macap (1982) / L	Johor	T	11.5(L)	550	19.81	77	30.6	306	9.09	15.85	Ketara	I/W/F
14	Perling (2003) / L	Pahang	Telap	21.5(L)	138.6	118.0	125	NA	28.3	1.05	NA	Tinggi	Sr
15	Beris (2004) / L	Kedah	CFR	40.0(L)	155	88.0	116	122.4(L)	260	16.1	84.00	Tinggi	I/W/F

**PETUNJUK**

L - Empangan Besar / S - Empangan Kecil

NPL - Aras Takungan Biasa

Mcm -  $1 \times 10^6 \text{ m}^3$

NA - Tiada

NA - Tiada

F - Tebalan Banjir

W - Bekalan Air

I - Pengairan

Sr - Penahanan Kelodak

CFR - Empangan Tambakan Batu dengan Permukaan Konkrit



Jadual 11.2 : Informasi Empangan bukan JPS Yang Dilapor Kepada Majlis Keselamatan Semasa Operasi Banjir

Bil.	Nama Empangan (Tahun Sifat Dibina/Sifat (L=Besar, S=Sedang))	Lokasi (Negeri)	EMPANGAN					KOLAM TAKUNGAN					Kelas Bencana	Fungsi	Pemilik
			Jenis	Tinggi (m)	Panjang Puncak (m)	Aras Puncak (m)	Kawasan Tahanan	Kapasiti (Mcubic meters)	Luahan Alur Limbah Makanium (cumecs)	Luas Permukaan (sq km)	Aras Biasa (NPL m)				
1	Kenyir (1992)L	Terengganu	Conventional Rockfill	155.0	800	155.0	2500	13500	7000	369.00	145.00	High	HP/F	TNB	
2	Pergau (1996)L	Kelantan	Zoned Earthfill	75.0	750	642.0	154	62.5	2470	4.30	636.0	High	HP	TNB	
3	Sultan Abu Bakar SAB (1963)L	Pahang	Concrete Buttress	40.0	152	1071.0	159	6.7	963	0.50	1070.00	High	HP	TNB	
4	Jor (1968)L	Perak	Earthfill	45.0	209	497.0	275	308	1104	0.30	493.00	High	HP	TNB	
5	Mahang (1968)L	Perak	Earthfill	20.0	229	73.0	359	0.4	50	0.10	72.00	High	HP	TNB	
6	Temenggor (1977)L	Perak	Earthfill	127.0	537	257.0	3506	6050	2830	174.00	248.00	High	HP	TNB	
7	Bersia (1983)L	Perak	Concrete Gravity	35.5	252	143.3	3550	57.7	5280	5.70	141.50	High	HP	TNB	
8	Kenering (1984)L	Perak	Concrete Gravity with Dykes	45.5	540	113.7	5713	352	96.0	40.50	111.30	High	HP	TNB	
9	Chederoh (1930)L	Perak	Hollow Amburden Concrete	20.1	390	60.5	6688	95	14700	20.50	60.40	High	HP	TNB	
10	Durian Tunggal (1974)L	Melaka	Earthfill	25.0	285	31.0	41.4	32.6	362	5.80	28.41	Significant	W	SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	



Bil.	Nama Empangan (Tahan Sampai/Satu, L=Besar, S=Kecil)	Lokasi (Negeri)	Jenis	EMPANGAN				KOLAM TAKUNGAN					Kelas Bencana	Fungsi	Pemilik
				Tinggi (m)	Panjang Puncak (m)	Aras Puncak (m)	Kayasan Tadka /	Kapasit (Mc m)	Luahan Air Limbah Maksimum (cumecs)	Luas Permukaan (sq km)	Aras Biasa (NP.L m)				
11	Asahan (1932)/S	Melaka	Earthfill	10	350	71.25	n/r	0.7	n/r	0.17	70.95	Low	W	SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	
12	Ayer Keroh (1980)/S	Melaka	Earthfill	7.0	120	22.2	1.69	0.3	n/r	0.09	20.73	Low	Rc	SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	
13	Bunded Storage (1991)/S	Melaka	Earth Perimeter Bund	10.0	2200	5.5	0.4	0.85	n/r	0.40	3.00	Significant	W	SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	
14	Jus (2003)/L	Melaka	Earthfill	30.0	1300	75.5	23	45	122	5.35	73.00	Low	W	SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD	
15	Batang Ai Hydro-electric Station (1985)/L	Sarawak	Rockfill with Concrete Face	85.0	649	115.0	1200	2650	2613	90.00	112.00	High	HP	SESCO	
16	Tenom (1984)/S	Sabah	Run-Of-River Type	n/r	n/r	n/r	7815	4.7	690	n/r	173.90	Moderate/ Low	HP	SESB	
17	Klang Gates (1956)/L	Selangor	Concrete	35.89	138.7	97.87	77.16	32.02	400	270	95.22	High	W	JBA	
18	Langat (1976)/L	Selangor	Earthfill	61.0	366	223.71	41.44	38.42	550	2500	220.95	High	W	JBA	
19	Tasik Subang (1950)/S	Selangor	Earthfill	9.1	123	38.71	10.16	3.5	22	0.75	37.87	High	W	JBA	
20	Semenyih (1982)/L	Selangor	Earthfill	49.0	800	115.00	56.7	61.4	20000	3.50	111.00	High	W	JBA	
21	Sungai Tinggi (1995)/L	Selangor	Earthfill	57.5	280	53.00	40	122.5	1800	8	59.5	Significant	W RR	JBA	

Bil.	Nama Empangan (Tahun Simpanan/Salir) [L = Besar, S = Kecil]	Lokasi (Negeri)	EMPANGAN					KOLAM TAKUNGAN					Kelas Benanfa	Fungsi	Pemilik
			Jenis	Tinggi (m)	Panjang Puncak (m)	Aras Puncak (m)	Kawasan Tadahan (sq.km)	Kapasiti (Mc m)	Lushan Air Limpah Makainum (cumecs)	Luas Permukaan (sq.km)	Aras Biasa (NP.L m)				
22	Sungai Selangor (2001)/L	Selangor	Earth Core Rockfill	110	800	227.0	19.7	235	3000	6	220	High	W RR	JBA	
23	Kelinchi (1998)/L	N.Sembilan	Earthfill	70	270	220	38.3	50	576	1.9	215	n/a	W		
24	Sungai Beringin (1990)/S	N.Sembilan	Concrete	14.0	111	139.0	5.65	0.525	215	0.50	135.00	n/a	W	JBA	
25	Sungai Terip (1987)/L	N.Sembilan	Earthfill	43.0	500	105.5	25.9	48	340	2.43	103.00	n/a	W/I	JBA	
26	Hulu Muar (1992)/L	N.Sembilan	Earthfill	52	300	162	144	53	2150	4	154	n/a	W/I	JBA	
27	Gemenceh (1999)/L	N.Sembilan	Earthfill	39.0	270	116.5	36.9	30.8	230	2.80	111.00	n/a	W/F	JBA	
28	Babagon (1997)/S	Sabah	Rockfill	73	375	133.1	30	16.6	2136	0.75	122	High	W	JBA	
29	Pinangsoo (1969)/S	Sabah	Earthfill	12.0	65	18.30	3.37	0.49	84	0.50	16.24	n/a	W	JBA	
30	Sepagaya (1984)/L	Sabah	Rockfill	22.86	73.15	82.296	25.9	2.05	70	0.28	80	n/a	W	JBA	
31	Timbangan (1984)/L	Sabah	Concrete	15.24	156	57.6	21.7	0.81	162	0.22	55.5	n/a	W	JBA	
32	Sg Cheneh (2002)/L	Pahang	Zonned Earthfill	48.0	400.0	80.5	152	260	1223	16.20	74.00	n/a	R/R	JBA	
33	Malut (1967)/L	Kedah	Earthfill	40.0	265.0	79.0	3.4	7.16	150	0.58	75.0	n/a	W	JBA	
34	Bukit Kuda (1985)/S	Labuan	Earthfill	16.76	304.8	16.76	1.995	4.024	16.99	1.05	15.24	High	W	JBA	
35	Kerupang (1985)/S	Labuan	Earthfill	11.6	91.4	16.76	0.486	0.216	14.16	0.053	12.20	Low	W	JBA	
36	Sg Pagar (1985)/S	Labuan	Earthfill	18.29	103.6	20.42	0.77	0.344	24.07	0.094	15.24	Low	W	JBA	

Bil.	Nama Empangan (Tahun Siap Bina) / Sasi (L=besar, S=sedang)	Lo Kasi (Negeri)	Jenis	EMPANGAN				KOLAM TAKUNGAN				Kelas Bencana	Fungsi	Pemilik
				Tinggi (m)	Panjang Puncak (m)	Ars Puncak (m)	Kawasan Tadihan (sq.km)	Kapasiti (Mcubic m)	Lahan Air Limoth Maksimum (cumecs)	Luas Permukaan (sq.km)	Ars Biasa (NPL/m)			
37	Air Hitam (1962)/L	P.Pinang	Earthfill	51.8	243.9	236.54	5.747	2.61	113	0.202	234.70	High	W	PBAPP
38	Mengkuang (1985)/L	P.Pinang	Earthfill	46.34	1005	45.34	3.9	23.6	430	1.74	43.3	Significant	W	PBAPP
39	Teluk Bahang (1999)/L	P.Pinang	Earthfill	53.5	685	53.5	9.84	19.24	760	0.95	48.00	Significant	W	PBAPP
40	Cherok To'Kun (1834)/S	P.Pinang	Earthfill	11.0	2	11.0	1.287	0.08	n/a	0.10	10.00	Significant	W	PBAPP
41	Berapit (1896)/S	P.Pinang	Earthfill	12.5	2	12.5	1.154	0.15	n/a	2.10	12.00	Low	W	PBAPP
42	Bukit Panchor (1931)/S	P.Pinang	Earthfill	7.3	10	7.3	6	0.27	n/a	0.50	5.80	Low	W	PBAPP
43	Congok (1960)/S	Johor	Earthfill	7.0	660	7.5	15.5	1	n/a	4.52	5.30	Significant	W	SAJ HOLDING SDN BHD
44	Juaseh (1992)/L	Johor	Earthfill	30.0	86.5	86.5	29.47	30	382	2.71	82.50	High	W	SAJ HOLDING SDN BHD
45	Lebam (1979)/L	Johor	Earthfill	9.0	400	16.00	19.39	13.6	212.2	3.95	14.00	High	W	SAJ HOLDING SDN BHD
46	Gunung Ledang (1959)/S	Johor	Concrete	10.5	79.4	n/a	n/a	0.3	n/a	n/a	n/a	n/a	W	SWC
47	Layang (Lower) (1985)/S	Johor	Earthfill	8.00	700	9.00	25	15	9	3.4	3.0 – 5.0	Low	W	ESB
48	Layang (Upper) (1985)/L	Johor	Earthfill	20.00	600	29.20	30.5	45	191	6.5	22-25	Significant	W	ESB
49	Air Kuning (1991)/L	Perak	Earthfill	18.0	520	44.0	16.13	1.8	7.7	0.018	42.50	High	W	LEMBAGA AIR PERAK



Bil.	Nama Empangan[Tahun Simpan]Sifat (L-Besar, S-Kecil)	Lokasi (Negeri)	EMPANGAN					KOLAM TAKUNGAN					Fungsi	Pemilik
			Jenis	Tinggi (m)	Panjang Puncak(m)	Aras Puncak(m)	Kawasan Tadahan (sq.km)	Kapasiti (McM)	Lahan Air Limpah Makainum (cumes)	Lies Pemukiman (sq.km)	Aras Biasa (NP.L.m)	Kelas Benanfa		
50	Sultan Azlan Shah/Sg Kinta (2006)/L	Perak	Concrete	90.0	797	250.0	145	29.55	2250	1.01	245.00	High	W	LEMBAGA AIR PERAK
51	Sika (1963)/L	Sarawak	Homogeneous Clay Fill Dam with rockfill on the upstream slope	27.0	270	25.0	30	3.28	n/a	0.351	20.00	n/a	W	JKR SARAWAK
52	Assyakirin (2004)/L	Sarawak	Earthfill Weak Rockfill	n/a	1000 (Including Saddle Dam)	35.0	27.9	n/a	n/a	n/a	30.00	n/a	W	JKR SARAWAK
53	Air Kuning (1934)/S	Selangor	Concrete	10.0	50	35.50	27.9	0.06	n/a	0.04	31.00	n/a	W	MOA
54	Sungai Baru (1934)/S	Selangor	Concrete	10.3	67	38.30	0.9	0.15	690	0.05	37.80	n/a	Rc	MOA
55	Muda (1966)/L	Kedah	Concrete Buttress with Cable Anchors	37	250.0	105.15	984	154	2000	15.5	**	High	I	MADA
56	Pedu (1966)/L	Kedah	Rockfill	61	220.0	100.13	171	1080	280	52.00	*	High	I	MADA
57	Ahning (1985)/L	Kedah	Rockfill	74.0	270	115.50	120	275	840	11.00	***	High	W,I	MADA

\*\*\* Aras takungan biasa berbeza bagi setiap tahun. Aras takungan tertinggi dan terendah Empangan Ahning ialah 114.0m dan 89.57m MSL masing-masing.

\*\* Aras takungan biasa berbeza bagi setiap tahun. Aras takungan tertinggi dan terendah Empangan Muda ialah 103.29m dan 83.69m MSL masing-masing.

\* Aras takungan biasa berbeza bagi setiap tahun. Aras takungan tertinggi dan terendah Empangan Pedu ialah 98.60m dan 75.60m MSL masing-masing.

#### PETUNJUK

- |       |   |      |  |
|-------|---|------|--|
| TNB   | - Tenaga Nasional Berhad                | ESB  | - Equiventures Sdn. Bhd.                       |
| SAMB  | - Syarikat Air Melaka Malaysia Berhad   | JKR  | - Jabatan Kerja Raya                           |
| SESCO | - Sarawak Electricity Sdn. Bhd.         | LAP  | - Lembaga Air Perak                            |
| SESB  | - Sabah Electricity Sdn. Bhd.           | MOA  | - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani |
| PBAPP | - Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang   | MADA | - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda              |
| SAJ   | - Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd. | SWC  | - Southern Water Corporation                   |

**Jadual 11.3 : Projek – Projek Utama Bahagian Rekabentuk Dan Empangan RMKe-10**

Bil	Projek
1	Projek Zoo Negara, Hulu Kelang, Selangor.
2	Kerja-Kerja Pengukuhan Integriti Keselamatan Empangan
3	Projek Penstabilan Tebing Sg. Golok Kelantan.
4	Projek Menaiktaraf Empangan Bekok
5	Kerja-Kerja Pengukuhan Integriti Struktur
6	Projek Pengukuhan Rangkaian Strategik (HTC) – <i>Formal Inspection</i>
7	Projek Menaiktaraf Empangan Timah Tasoh

**Jadual 11.4 : Projek – Projek Utama Bahagian Rekabentuk Dan Empangan RMKe-11**

Bil	Projek	Kos Projek (RM)	Tahun Siap Rekabentuk
1	Projek Menaiktaraf Infrastruktur Mekanikal dan Elektrikal untuk Kawalan Banjir di Stesen Pam Parit A, Kg. Menteri Kuala Sepetang, Daerah Larut, Perak Darul Ridzuan.	1,214,760.00	2017
2	Rancangan Tebatan Banjir Kg. Gajah – Kerja Menaiktaraf Parit P4, Mukim Kg. Gajah, Daerah Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan (Rumah Pam & Pump Sump)	6,068,971.20	2017
3	Rancangan Memulihkan Koridor Sungai (RMKS) Batang Sadong Dan Kerja-kerja Berkaitan Di Pekan Gedong, Lembangan Batang Sadong, Bahagian Samarahan, Sarawak.	8,600,000.00	2017
4	Rancangan Memulihkan Koridor Sungai (RMKS) Batang Sadong Dan Kerja-kerja Berkaitan Di Pekan Simunjan, Lembangan Batang Sadong, Bahagian Samarahan, Sarawak.	15,600,000.00	2017

Jadual 11.5 : Projek – Projek Utama Rekabentuk

Bil	Projek	Kos Projek (RM)	Tahun Siap Rekabentuk
<b>A) Rekabentuk Dalamam Unit JPS</b>			
1	Kerja-kerja Kecemasan Membaiak pulih Tebing Runtuh Di Sungai Sri Puchong Petaling Selangor Berdekatan Outlet Ke Sungai Klang Serta Kerja-kerja Berkaitan	188,450.00	2016
2	Projek Menaintyaraf Infrastruktur Mekanikal dan Elektrikal untuk Kawalan Banjir di Stesen Pam Sri Klebang, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan.	1,091,800.00	2017
3	Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kuantan, Pahang Darul Makmur Pakej 1: Projek Menaintyaraf Sg. Belat dan Membina Struktur Pencegah Banjir serta Kerja-kerja Berkaitan.	118,477,783.64	2017
4	Projek Menaintyaraf Infrastruktur Mekanikal dan Elektrikal untuk Kawalan Banjir di Stesen Pam Parit A, Kg. Menteri Kuala Sepetang, Daerah Larut, Perak Darul Ridzuan.	1,214,760.00	2017
5	Rancangan Tebatan Banjir Kg. Gajah – Kerja Menaintyaraf Parit P4, Mukim Kg. Gajah, Daerah Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan (Rumah Pam & Pump Sump)	6,068,971.20	2017
6	Cadangan Pemasangan Papan Iklan Billboard Program Cintai Sungai / Sumber Air (Single Panel & Dua Panel) (Melaka, Kedah dan WP Kuala Lumpur)	200,000.00	2017
7	Projek Menaintyaraf Parit di Kampung Paya Pupuk, Daerah Tangkak, Johor.	1,794,517.00	2017
8	Kerja-kerja Membina dan Menyiapkan 5 buah Rumah Pam Serta Kerja Berkaitan Bagi Kawalan Banjir, Daerah Bagan Datuk, Perak.	125,000.00	2017
9	Projek Pembinaan U-Shape Konkrit dari Sungai Batu Pahat ke Pekan Semerah – Kerja-kerja Menaintyaraf Sistem Saliran Mesra Alam Peserai dan Kerja-kerja Berkaitan Daerah Batu Pahat, Johor.	2,500,000.00	2017
10	Kerja-Kerja Membaiak pulih Dan Memperkuatkan Ban Sungai Semarang Serta Kerja-kerja	155,500.00	2017

	Berkaitan Di Mukim Dengkil Sepang Selangor		
11	Kerja-kerja Membina Laluan Konkrit (Ramp) Untuk Kegunaan Bot Di Kolam Batu	199,682.08	2017
12	Projek Membina Stor Peralatan ROL Di Pusat Operasi ROL PLSK	151,265.85	2017
<b>B) Rekabentuk Dalaman Unit Agensi Luar/NADMA/IKRAM</b>			
1	Cadangan Pemulihan Sungai dan Cerun Berisiko Runtuh Di Cameron Highlands Pahang – Kerja-kerja Pembaikan Cerun Di Parkir Berhadapan Petronas Ringlet.	1,449,200.00	2017
<b>C) Kerja-Kerja Forensik</b>			
1	Cadangan Membina dan Menyiapkan Collapsible Weir Bagi Projek River of Life (RoL) - Paket 1	-	2016
2	Pengkuhan Integriti Dan Keselamatan Struktur Ampang Jajar, Headworks, Tidal Control Gate, Rumah Pam, Jambatan Dan Struktur Lain Berkaitan.	45,920,000.00	2017
3	RTB Teluk Intan - Kerja-kerja Tebatan Banjir Dari Kampung Terengganu Ke TCG T10-J Jalan Woo Saik Hong Teluk Intan Perak	4,083,715.00	2017
4	Pembinaan Lencongan Sungai Baru Dan Menaiktaraf Sungai Anak Bukit Serta Kerja-kerja Berkaitan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah/Anak Bukit Kedah	3,956,900.00	2017
5	Membina 3 Buah Rumah Pam Serta Kerja-kerja Berkaitan di Daerah Bandar Bahru Kedah (Bagan Samak & Parit Nibong)	91,000.00	2017



## HUMID TROPICS CENTRE KUALA LUMPUR (HTC KL)

### 12.1 Peranan

- Menyelaraskan perlaksanaan kerjasama dalam penyelidikan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan hidrologi dan sumber air;
- Meningkatkan rangkaian maklumat dalam Jawatankuasa Kebangsaan IHP dan Water Centres UNESCO lain untuk pertukaran maklumat saintifik dan teknikal yang terkini;
- Membangunkan modul latihan dan penyebaran teknologi terkini menerusi kursus, latihan, seminar, bengkel dan persidangan; dan
- Menerbitkan dan menyebarkan penerbitan-penerbitan berkaitan hidrologi dan sumber air.


### 12.2 Latarbelakang

HTC Kuala Lumpur telah ditubuhkan melalui satu perjanjian persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dan *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) yang telah ditandatangani pada 28 Oktober 1999 bagi menjalankan usahasama di antara negara di Asia Tenggara dan Pasifik. Ianya beroperasi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang dikendalikan oleh pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia seperti di gambarajah 12.1 dan 12.2 dengan objektif penuhan:

- Mempromosikan suasana kondusif untuk menjalankan usahasama di antara Negara di Asia dan Pasifik melalui teknologi dan penukaran maklumat, pendidikan dan sains.
- Menambahkan pengetahuan mengenai kitaran hidrologi dan seterusnya meningkatkan keupayaan untuk mengurus dan membangunkan sumber air secara holistik.




Gambarajah 12.1: Jaringan (Networking) antara UNESCO's Paris dan ahli negara UNESCO di Asia Tenggara dan Pasifik.





Gambarajah 12.2 : National Committees for IHP SEA & Pacific



**12.3****Objektif**

- Mempromosikan suasana kondusif untuk menjalankan usahasama di antara Negara di Asia Tenggara dan Pasifik melalui teknologi dan penukaran maklumat, pendidikan dan sains.
- Menambahkan pengetahuan mengenai kitaran hidrologi dan seterusnya meningkatkan keupayaan untuk mengurus dan membangunkan sumber air secara holistik.

**12.4****Fungsi utama**

- Menyelaraskan pelaksanaan projek-projek dan kegiatan-kegiatan kerjasama dalam penyelidikan hidrologi dan sumber air.
- Mewujudkan jaringan (Networking) antara lain-lain Jawatankuasa IHP Kebangsaan dan pusat-pusat peringkat serantau dan dunia dalam pertukaran maklumat saintifik dan teknikal.
- Mengendalikan kursus, latihan, seminar, bengkel dan mesyuarat untuk menjana pemindahan teknologi.
- Menerbitkan dan menyebarkan penerbitan-penerbitan berkaitan hidrologi dan sumber air.

**Jadual 12.1: Senarai Kajian Sumber Air**

Nama Kajian	Tahun
Decision Support System (DSS) for MSMA Stormwater Management Ecohydrology (SME) at HTCKL and Upscaling MSMA-SME Langat River Basin	2014-2015
Artificial Bio-Macropore for Enhancing Soil Infiltrability for Urban catchment at HTCKL and Langat River Basin	2014-2015
Rural River Rejuvenation (R3) Project at Sungai Jenderam, Sepang.	2014-2015
Study on Performance of Gross Pollutant Trap (GPT) Trapping Devices versus Life Cycle Cost and Gross Pollutant Management Strategies Knowledge Portal Case Study Putrajaya	2014-2015
Monitoring Performance of Demonstration Wastewater Treatment Plants at Sungai Hiliran and Perhentian Island, Terengganu	2014-2015
Pembangunan Produk-Produk Inovasi Harta Intelek Stormwater Management	2014-2015



## 12.5 Tropika Lembap

### 12.5.1 Definisi Tropika Lembap

Tropika Lembap boleh didefinisikan secara amnya sebagai rantau yang berada di antara Garisan Sartan (kira-kira  $23^{\circ}26'$  ( $23.5^{\circ}$  U) di hemisfera utara, dan Garisan Jadi ( $23^{\circ}26'$  ( $23.5^{\circ}$  S) di hemisfera dan menerima sekurang-kurangnya 1600mm jumlah hujan setahun. Dengan itu, jumlah luas kawasan adalah lebih kurang 29.4 juta km persegi atau 22% daripada keluasan daratan di permukaan bumi.



Jadual 12.2: Maklumat Umum

Bil.	Perkara	Butiran
1.	Keluasan kawasan tropika lembap di permukaan bumi	29.4 juta km persegi
2.	Peratus keluasan kawasan tropika lembap di permukaan bumi daripada keluasan daratan di permukaan bumi	22%
3.	Anggaran jumlah penduduk dunia menjelang tahun 2025	18.9 bilion
4.	Anggaran jumlah penduduk menetap dalam rantau Tropika Lembap menjelang Tahun 2025	8.3 bilion

### 12.5.2 Isu Berkaitan Kawasan Tropika Lembap Di Rantau Asia

- i) Penduduk yang paling ramai (lebih kurang 500 juta penduduk pada tahun 1996) dan terus meningkat terutama di kawasan bandar dan menyebabkan masalah berkaitan dengan air turut meningkat.
- ii) Berhadapan dengan cabaran air tawar yang serius, dari kekurangan air, kualiti yang kurang baik, kekurangan kemudahan sanitasi, kepada bencana berkaitan air seperti banjir dan kemarau.
- iii) Ancaman kepada pembangunan mampan dan perlindungan persekitaran.

## 12.6 Kajian Yang Dijalankan di HTC KL

### 12.6.1 Research and Development on Application of Water Sensitive Urban Drainage Design (WSUD) FOR Integrated Storm Water Management at Local Scale (at HTC KL)

- Konsep WSUD merangkumi semua aspek dalam pengurusan kitaran air bandaran termasuk pengumpulan air dan pemberian (*treatment*) air hujan dan air buangan untuk kegunaan harianselain untuk bekalan air minum.
- Bertujuan untuk mengurangkan kesan dari impak pembangunan dan menggalakkan kitaran air secara semulajadi.
- Rekabentuk telah siap dan pembinaan siap dalam tahun 2009.
- Menyediakan Garis Panduan/ Manual rekabentuk untuk enam (6) komponen projek dalam tahun 2009.

### 12.6.2 MOBILE FLOOD WALL BARRIER(MFWB)

#### Latarbelakang Kajian Penyelidikan:

Dinding/tembok penahan banjir mudah alih merupakan salah satu kaedah struktur bukan tetap perlindungan banjir yang telah diperaktikkan secara meluas dan sebagai tebatan banjir baris kedua ("second-line flood defends") berjaya diperaktikkan di luar negara seperti di Cologn, German, USA dan Singapura (Gambar 12.1). Ia merupakan dinding/tembok penahan banjir yang boleh dipasang dan disimpan mengikut keperluan. Di Malaysia, kaedah ini masih belum pernah dibangunkan kerana kebergantungan kita kepada struktur penahan banjir yang tetap. Jabatan ini yang diberi mandat sebagai agensi penasihat dan pelaksana pengurusan banjir untuk kerajaan perlu membuat lonjakan paradigma bagi memberikan alternatif yang lebih baik untuk kepentingan dan kebajikan awam dalam pengurusan banjir dengan penambahbaikan selaras dengan adanya perkembangan teknologi terkini. Melalui Program **KNOWLEDGE ENHANCEMENT AND AWARENESS TOWARDS WATER SECURITY** pada Februari 2016, pembangunan produk MFWB telah dikenalpasti dan kajian penyelidikan dilaksanakan oleh pihak NAHRIM. Tempoh kajian penyelidikan ini bermula 2017 hingga 2020 dengan kos sebanyak RM5juta.



Gambar 12.1: Contoh Penggunaan Mobile wall barrier di luar negara

**Objektif:**

Objektif bagi kajian *Mobile Flood Wall Barrier* ini adalah menghasilkan *prototype* dinding /tembok penghadang banjir mudah alih dan garispanduan bagi perlindungan banjir /banjir kilat mengikut kesesuaian cuaca di Malaysia.

**Kriteria:**

Kriteria-kriteria yang diambil kira dalam penghasilan produk kajian *Mobile Flood Wall Barrier* ini adalah:

1. *Mobile* : mudah alih.
2. Selamat dan mudah untuk dipasang.
3. *Material* yang murah dan mudah diperolehi.
4. *Do It Yourself (DIY)*
5. Bahan yang digunakan tidak mudah dicuri (*struktur material*)
6. *Maintenance free*

**Konsep Lokasi pemasangan:**

1. Kediaman individu (*priority* : OKU, warga tua) – konsep penyelesaian holistik
  - Fokus ; pintu rumah (*custom size : min 3 types*)
  - Rumah teres ; pintu pagar utama
  - *Perimeter drain*
  - Lokasi kediaman individu bagi pelaksanaan projek MFWB ini terletak di Klang, Selangor.
2. Public area/building
  - Lokasi premis kerajaan bagi pelaksanaan projek MFWB ini di Klinik Kesihatan Kajang, Off Jalan Semenyih Kajang, Selangor.
3. Kawasan kampung/perumahanberhampiran sungai
  - Cadangan *semi-mobile* (*install bench etc*)

**Spesifikasi umum yang terdapat pada bahan dalam produk ini adalah:**

- a) Ringan dan boleh menampung tekanan air yang tinggi.
- b) Mampu menahan daripada suhu yang tinggi.
- c) Tidak mudah terhakis
- d) Kos yang murah



Jadual 12.3: Senarai Kajian Yang Dijalankan di HTC KL

No.	Nama Kajian	Tahun
1	Small Island Hydrological Study at Tioman Island	1998-2000
2	Development of Temporal Pattern of Urban Areas and PMP Derivation for Malaysia	2004-2006
3	Development of Runoff Characteristics to Validate Manual Saliran Mesra Alam	2004-2006
4	Detailed Hydrological Balance Study of Wetlands at Paya Indah	2004-2008
5	Development of Runoff Generation and Catchment Responses in Forested and Agricultural Sites	2004-2008
6	Integrated and Multidisciplinary on Flood Hazard Assessment in Johor, Malaysia	2008-2010
7	MSMA Stormwater Management Eco-Hydrology Project at Humid Tropics Centre Kuala Lumpur	1999-2012
8	Erosion Risk Categorization Potential at Sg. Langat	2011-2013
9	Monitoring Rainwater Harvesting Effectiveness in Pulau Perhentian	2011-2013
10	Sewage Treatment Using Solar Still in Pulau Perhentian	2011-2013
11	Upscaling Of MSMA Eco-Hydrology At Catchment Level (Sg. Langat)	2012-2013
12	Impact on Reservoir Sediment & Water Quality at Sembrong Dam & Study on Agricultural Non Point Source Pollution in River	2011-2015
13	Remediation of Pollution From Large Point Sources for Sg. Hiliran - MUWAREC	2011-2015



No.	Nama Kajian	Tahun
14	Application of A Stepped Solar still for Drinking Water Desalination on Pulau Perhentian.	2014-2016
15	Pembangunan Penggunaan Semula Alum Sludge (by-product water treatment plant)	2014-2016
16	Decision Support system (DSS) for MSMA Integrated Stormwater Management Ecohydrology (MSMA ISME) at HTCKL and Upscaling MSMA ISME Langat River Basin	2014-2015
17	Artificial Bio-Macropore for Enhancing Soil Infiltrability for Urban catchment at HTCKL and Langat-HELP River Basin	2014-2015
18	Rural River Rejuvenation (R3) Project at Sungai Jenderam, Sepang	2014-2015
19	Research on Performance of Gross Pollutant Trap (GPT) Trapping Devices versus Life Cycle Cost and Gross Pollutant Management Strategies Knowledge Portal Case Study Putrajaya	2014-2015
20	Debris Mud Flow Warning System (Phase II)	2016-2017
21	Mobile Flood Wall Barrier (MFWB)	2016-2017
22	Urban Heat Islands (UHI)	2016-2017
23	Biodiversity Flow at Jenderam River, tributary of Sg Langat (subject to budgetry)	2016-2017
24	Biodiversity Flow at Tasik Chini (Lake)	2016-2017
26	STUDY ON PERFORMANCE AND OPTIMUM NUMBERS OF GROSS POLLUTANT TRAPS (GPTs) DEVICES FOR RIVER OF LIFE (ROL) PROJECT	2017-2017

**Jadual 12.4: Senarai Aktiviti Terhadap Keberhasilan HTC Kuala Lumpur**

<b>Peringkat Rangka Kerja Aktiviti International Hydrological Programme (IHP)</b>	
Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Inter Governmental Council IHP UNESCO</li> <li>• IHP Regional Steering Committee Meeting- annually</li> <li>• Science Cooperation Meeting and Inter-Regional Workshop on South-South Cooperation for Upscaling Integrated Water Resources Management (IWRM) and Eco-hydrology</li> </ul>
<b>Kerjasama dan Kesanimbungan</b>	
Jaringan Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• International Water Association (IWA)</li> <li>• Joint Committee on Urban Drainage (JCUD)- IAHR/IWA</li> <li>• Global Water Partnership</li> <li>• UNESCO Water Centres</li> <li>• UNESCO Jakarta</li> <li>• CapNET</li> <li>• HTCKL Regional Website</li> </ul>
Jaringan Kebangsaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MoU/MoA dengan Fakulti-fakulti IPTA/IPTS tertentu <ul style="list-style-type: none"> <li>- Universiti Kebangsaan Malaysia (diwakili oleh Institut Kajian Perubahan Iklim)</li> <li>- Universiti Teknologi Malaysia (diwakili oleh Institut Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Air- IPASA)</li> <li>- Kuala Lumpur Infrastructure University College (diwakili oleh IKRAM Education Sdn. Bhd.)</li> <li>- Education on Sustainable Development and Regional Sejahtera ESD Network (RSEN), Universiti Sains Malaysia</li> </ul> </li> </ul>
Penyertaan Kebangsaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hari UNESCO Malaysia</li> <li>• Hari Air Sedunia</li> <li>• Pertandingan Anugerah Tesis Terbaik IPTA/IPTS sempena sambutan hari Air Sedunia</li> <li>• Knowledge Enhancement and Awareness (KEA) Program</li> </ul>

## PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL

### 13.1 Peranan Bahagian

Selaras dengan fungsi dan tanggungjawab Jabatan, bahagian ini bertanggungjawab mengurus aktiviti-aktiviti Mekanikal dan Elektrikal (M&E) dalam bidang yang berkaitan dengan pengurusan sumber air seperti berikut:

(i) **Khidmat Nasihat dan Rekabentuk M&E**

- Memberi khidmat nasihat teknikal M&E di peringkat jabatan/kementerian
- Penyediaan rekabentuk M&E untuk projek-projek pembangunan JPS

(ii) **Pengurusan Hidromekanikal**

- Naiktaraf dan penggantian infrastruktur M&E (rumah pam, stesen pintu air & empangan)
- Penyelidikan teknologi baru dan inovasi infrastruktur hidromekanikal
- Pengujian keupayaan pam air (*pump test bay*)
- Fabrikasi pintu air

(iii) **Pengurusan Tenaga**

